



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	13/6/2021	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	KeTSA/ JMG			

### Tiada lagi lesen baharu dikeluarkan

**Kuantan:** Tiada lesen baru perlombongan dikeluarkan selepas kawasan seluas 4,600 hektar di Tasik Chini, Pekan diwartakan sebagai Hutan Simpan Chini pada 13 Mac 2019, menurut Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang.

Menurut kenyataan PTG Pahang semalam, sebanyak 14 lesen dikeluarkan sebelum pewartaan itu dibuat dan daripada jumlah itu, hanya dua masih beroperasi.

Satu lesen akan tamat hujung bulan ini manakala lesen satu lagi pemegang pajakan atau operator berakhir hujung tahun ini.

"Pihak berkuasa negeri (PBN) komited memastikan tiada lesen baharu dikeluarkan di kawasan Tasik Chini selain tidak akan berkompromi atas kegagalan pematuhan syarat pemegang pajakan atau operator.

"Pada 17 Jun 2020, PBN mengeluarkan arahan berhenti kerja serta-merta kepada 11 pemegang pajakan atau operator di kawasan Tasik Chini kerana berlaku ketidakpatuhan pada syarat kelulusan perlombongan," menurut kenyataan itu.

PTG Pahang berkata, terdapat lapan agensi teknikal daripada kerajaan negeri dan persekutuan terbabit dalam penilaian pematuhan syarat aktiviti perlombongan, antara-

nya Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Jabatan Alam Sekitar (Jas).

Jabatan lain ialah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Badan Kawal Selia Air, Jabatan Perhilitan Negeri (JPN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Selain itu, PBN juga mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi Tindakan Pemulihan Akibat Ketidakpatuhan Kepada Syarat-syarat Kelulusan Aktiviti Perlombongan di Tasik Chini pada 20 Julai 2020 kepada semua pajakan dan operator berkenaan.

"Mereka hanya dibenarkan beroperasi selepas semua arahan dipatuhi, antaranya perlu melakukan penandaan sempadan yang jelas, menanam semula pokok, mendaftar penggunaan jentera, dikenakan bayaran bon jaminan RM250,000 dan menyediakan pos pasukan penguat kuasa.

"JPNP juga sejak 18 November 2019 hingga 30 Disember 2019, melaksanakan kerja pemulihan dan penanaman pokok di kawasan Tasik Chini membabitkan keluasan 1.2 hektar melalui Kumpulan Wang Amanah Pemulihan Bersama bernilai RM250,000," menurut kenyataan itu.



KELIHATAN bukit yang ditarah untuk aktiviti perlombongan di sekitar Tasik Chini. - Gambar FARIZUL HAFIZ AWANG